

16 OCT 2000

MT-Draf

MT UMNO BINCANG DRAF PINDAAN PERLEMBAGAAN PARTI

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Mesyuarat yang bermula pada 2.30 petang itu dijangka membincangkan beberapa perkara penting termasuk draf pertama pindaan perlembagaan parti dan penubuhan Puteri Umno.

Ia juga dijangka menetapkan tarikh perhimpunan khas Umno bulan depan bertujuan meminda perlembagaan parti.

Semalam, Naib Presiden dan Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, antara cadangan yang terkandung dalam draf itu ialah supaya pemilihan parti di semua peringkat yang kini diadakan setiap tiga tahun sekali diadakan mengikut tempoh pilihan raya umum.

Katanya lagi, turut dicadangkan ialah penghapusan sistem pencalonan untuk digantikan dengan sistem pendaftaran untuk sesiapa yang berminat bertanding sesuatu jawatan.

Mesyuarat itu juga dijangka mendengar cadangan-cadangan Pergerakan Wanita berhubung Puteri Umno termasuk syor melantik Ketua Puteri sebagai anggota MT dan bukannya bertaraf Naib Presiden serta had umur keanggotaan.

Satu lagi perkara yang mungkin dibangkitkan ialah debat mengenai masa depan dan hak istimewa Melayu antara Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Ketua Dewan Pemuda PAS Mahfuz Omar.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno telah memberikan persetujuan beliau supaya debat itu diadakan bagi memperjelaskan kepada rakyat tentang isu berkenaan.

-- BERNAMA

MAM ZS PR